




Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

| | |
|---|-----|
| 1. Peneman Setia | 1 |
| 2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual | 5 |
| 3. Inspirasi Dale Carnegie | 8 |
| 4. Aku, Buah dan Buku | 15 |
| 5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian | 20 |
| 6. Aku di Alam Buku | 24 |
| 7. Kisah Imam Syafie | 27 |
| 8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia | 33 |
| 9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh | 39 |
| 10. Bukuku adalah Teman Karibku | 45 |
| 11. Korban Kasih | 51 |
| 12. Buku, Penyelamatku | 54 |
| 13. Aku, Abah dan Buku | 58 |
| 14. Sebuah Buku Berwarna Coklat | 62 |
| 15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya | 65 |
| 16. Jasa Terindah | 68 |
| 17. Ditandang Lagi | 71 |
| 18. Anak Sulung | 76 |
| 19. Inspirasi Membentuk Jatidiri | 79 |
| 20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang | 82 |
| 21. Menara Alam dan Kimia Manusia | 86 |
| 22. Minat Membaca yang Hilang | 91 |
| 23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup | 93 |
| 24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan | 96 |
| 25. Kāna yāmā kān | 99 |
| 26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi | 102 |
| 27. Manisnya Senyumanmu | 105 |
| 28. Anak-anakku & Buku | 110 |
| 29. Buku Mendidik Aku | 114 |
| 30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri | 118 |
| 31. Menggenggam Bara | 122 |
| 32. Diari Perjalanan Aku dan Buku | 126 |
| 33. Kertas-kertas yang Harum | 129 |
| 34. Pasti Ada Minatku | 132 |
| 35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan | 135 |
| 36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan | 140 |
| 37. Manga dan Aku | 144 |
| 38. Dirimu Sentiasa Ada! | 148 |
| 39. Sihat with Me | 152 |
| 40. Aksaramu Inspirasiku | 155 |
| 41. Kerana Sebuah Buku | 159 |
| 42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku | 161 |
| 43. Ibrah Melalui Syukur | 165 |
| 44. Kenangan Itu | 168 |
| 45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti | 172 |
| 46. Buku "Tangan Kedua" | 176 |
| 47. "달콤한 추억" di Bumi Korea | 180 |
| 48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024 | 183 |
| 49. Baca Buku? Nerdlah Pulak! | 186 |
| 50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat | 190 |



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



“Ibrah melalui Syukur”

Junaida Ismail

FSPPP, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah

Muhd Kamil satu nama yang sangat tersohor dan dikenali ramai. Seorang insan yang banyak mengajak insan lain untuk tarbiyah diri sendiri di atas setiap takdir yang diaturkan olehNya selain terus menerus tanpa putus asa mengajak ramai insan kerdil untuk menuju kearah kebaikan. Buku “Phd Kecil Tapi Signifikan” merupakan karya agung beliau yang banyak mengajar rakan-rakan yang sedang berjuang dan berjihad dalam ilmu untuk sampai ke garisan penamat dan menggenggam skrol PhD. Muhd Kamil, merupakan seorang pensyarah perakaunan yang memecahkan rekod menjadi anak melayu pertama di UiTM yang mendapat gelaran `Profesor seawal usai awal 39 tahun dan beliau juga seorang pelajar yang cemerlang dan berjaya tamat pengajian PhD secara *on time*. Kisah perjuangan beliau melanjutkan pengajian di peringkat PhD dan usaha keras untuk menikmati gelaran Dr dibukukan agar menjadi ianya mampu memberikan inspirasi kepada semua pembaca.

Seawal 2011, seusai diri ini mendaftarkan diri menjadi pelajar PhD, buku ini merupakan peneman setia yang membantu membakar semangat kepada diri ini. Buku ini banyak memberikan manfaat dalam jihad ilmu PhD. Penulisan buku ini sangat santai dan bernada ringkas. Setiap pengalaman digarapkan dalam jalan cerita yang sangat menarik dengan gambaran sebenar dunia pengajian tinggi. Pelbagai pengalaman manis segelintir pejuang ilmu baik di kalangan pelajar yang terkandas dan melalui perjalanan yang getir digarapkan penuh berhemah agar tidak menakutkan pembaca atau mana-mana potensi yang berhajat melanjutkan pelajaran, malah ianya akan diambil sebagai iktibar dalam menempuh perjalanan sebagai mahasiswa. Pengalaman yang digarapkan di dalam buku ini bukan untuk merisaukan mana-mana pembaca, mesej utama yang cuba disampaikan lebih kepada panduan selain dapat memotivasikan mereka dengan melihat dengan teliti keseluruhan dunia akademi yang nyata tanpa ada rasa berputus asa.

Buku “Phd-kecil tetapi signifikan” merupakan karya agung yang sangat berharga kerana mampu mengupas dengan baik petua-petua dan strategi penting dalam memudahkan proses untuk berjihad serta menyelesaikan pengajian PhD dengan mudah dengan tempoh yang singkat. Muhd Kamil sendiri memberikan inspirasi kepada pembaca dengan membuktikan PhD itu mudah bila mana beliau sendiri berjaya menyiapkan draf penuh tesis dalam masa 24 bulan dan lulus viva genap 32 bulan, ianya merupakan satu rekod cemerlang bukan untuk diri beliau sendiri malahan rekod bagi fakulti perakaunan di UiTM.

Buku “Phd-kecil tetapi signifikan”, sangat dekat dihati saya kerana ianya mampu memberikan inspirasi kepada saya pada ketika itu yang sedang bergelut dengan pengajian PhD. Bila mana keadaan yang sangat sugul, buku ini merupakan salah satu kitab yang saya akan baca berulang kali untuk menaikkan semangat diri sendiri. Umum mengetahui perjalanan PhD itu bukanlah mudah, ianya satu perjalanan yang sangat panjang, perjalanan yang penuh dengan onak dan duri yang sangat berliku. Pelbagai strategi dilakukan untuk memastikan sasaran tidak tersasar daripada landasan. Ujian demi ujian silih berganti setiap hari, hati perlu kental, jiwa kena besar dan perlu lapangkan dada dalam setiap apa jua ujian yang ditempuh

demi untuk memastikan perjuangan yang sedang dilalui ini tidak mensasarkan jiwa dan sampai ke garisan penamat.

Ujian terbesar yang saya hadapi Ketika melalui perjuangan PhD adalah bila berdepan dengan penyelia. Allah tidak menjanjikan perjuangan PhD saya itu mudah, DIA menguji dengan memberikan empat (4) orang penyelia yang silih berganti. Rezeki penyelia bersilih berganti bukan asbab salah faham diantara saya dan penyelia tetapi lebih kepada “soal isu penyelia dan konflik yang mereka hadapi dengan organisasi”. Benar kata pepatah, kejayaan seorang pelajar PhD sebahagian memang tergantung dengan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh seorang penyelia. Justeru, buku PhD Kecil Tapi Signifikan ini sangat dekat dihati dan ia menjadi sahabat baik sepanjang saya menyiapkan kerja-kerja PhD. Bila hati lara gigih jari jemari ini membelek setiap lebaran buku ini, dan cuba mendapatkan sedikit semangat melalui kisah-kisah perjuangan sebahagian penulis di dalam buku ini. Dikala hati diruntun pilu dengan gelagat-gelagat penyelia, buku ini dapat menyejukkan hati dan memberikan saya sinar harapan dari perspektif yang lain. Menyelak helaian penting di dalam buku ini secara tidak langsung ianya menjadi sumber inspirasi untuk saya mengutip sedikit demi sedikit sisa-sisa semangat untuk terus kuat dan kekal berada landasan untuk meneruskan perjuangan dalam jihad ilmu yang sangat sunyi.


Penulisan buku ini sangat santai dan tiada fakta bersifat akademik, apa yang pasti jiwa terasa terbuai untuk membacanya dan ada kalanya tanpa disedari saya mengalirkan air mata setiap kali membaca baik-bait buku kerana apa yang cuba digambarkan oleh penulis merupakan satu pengalaman yang berharga dikalangan setiap penulis yang terlibat di dalam penghasilan buku ini. Kisah benar di sebalik kejayaan peribadi penulis dan mereka yang sudah bergelar Dr sangat memberi kesan yang signifikan untuk membantu saya yang bakal bergelar graduan dengan PhD kelak pada masa itu. Saya percaya melalui pengalaman kita mampu belajar erti hidup yang sebenar, khususnya kesukaran dalam jihad ilmu dan memperjuangkan PhD itu adalah benar-benar memerlukan kekuatan mental dan fizikal yang sangat tinggi.

Pengajaran yang cuba digarapkan oleh penulis buku ini benar-benar memberikan satu pengalaman yang sangat bermakna pada saya dalam menelusuri kehidupan sebagai seorang pelajar pasca. Segala kesukaran yang saya dihadapi sepanjang menjadi pelajar pasca terpahat indah, dan ianya seiring sepertimana kata pepatah, “Allah tidak membebani hambaNya melainkan sesuai dengan kesanggupannya”. Justeru sebagai pelajar saya sentiasa menadahkan tangan padaNya, dan disetiap doaku sering panjatkan “Ya Allah, berikanlah aku yang terbaik dalam setiap hal”. Saya percaya segala ujian yang dilalui sepanjang pengajian PhD itu benar-benar mendidik hati ini. Hampir setiap sepertiga malam saya akan bertemu denganNya dengan harapan adanya Bahagia diberikan di penghujung perjalanan ini. Atas dasar percaya pada setiap jiwa Allah pasti hadirkan kebahagiaan, antara lambat ataupun cepat, ianya mempunyai masa yang tersendiri. Begitulah saya cuba mendepani segala dugaan sepanjang menjadi pelajar pasca di USM.

Justeru itu, disepanjang perjalanan perjuangan PhD Ketika itu, saya cuba untuk kental dan berharap bahawa Allah menguji bukannya menghukum. Berlapang dada dengan takdir yang diberikan sepanjang pengajian itu bukan mudah, berdamai dengan takdir juga tidak mudah kerana ujian yang diberikan benar-benar menggugat jiwa dan iman. Ya, berlapang dada dengan setiap ujian sepanjang pengajian adalah cara terbaik merawat jiwa yang lara. Itu yang cuba saya lakukan sepanjang mendepani segala ujian menjadi seorang pelajar PhD. Dengan keyakinan yang tinggi padaNya agar direzekikan untuk sampai ke pengakhiran yang manis sepanjang perjuangan Phd itu menjadikan diri ini sangat kental dalam mendepani segala ujian. Adakalanya saya tertanya-tanya, adakah ujian yang diberikan sepanjang pengajian pasca ini adalah sebuah peringatan kecil dariNya, agar saya tidak bersifat angkuh dan tertalu taksab dengan gelaran “DR” yang bakal diperolehi atau dengan segala apa yang saya sedang usahakan dan bakal terima di akhir perjalanan ini.


Buku PhD Kecil tetapi signifikan juga mengajar saya untuk memahami pepatah melayu lama iaitu “berkawan biar seribu” ini secara tidak langsung mengajar saya untuk membina kepercayaan diri untuk memahami keperluan membina *networking* yang lebih besar sepanjang pengajian PhD. Dengan adanya *networking* ini secara tidak langsung dapat membantu dalam proses menyiapkan tesis PhD. Ya..! benar *networking* itu perlu dan kita tidak perlu duduk berseorang di dalam cubicle yang disediakan di kampus serta merenung segala permasalahan tanpa ada bantuan. Itu diantara tips yang saya perolehi di dalam buku ini, justeru acap kali diri ini terasa sayu, dan sugul pasti akan ku buka satu persatu helaian buku agar diri ini sentiasa kekal positive dalam segala hal penulisan tesis. Pengalaman berharga yang saya adaptasi melalui buku ini adalah dengan menghubungi pemilik utama teori yang cuba saya gunakan di dalam penulisan tesis. Alangkah indahnya aturan Allah, pemilik utama teori yang saya ingin gunakan telah memberikan persetujuan secara tidak langsung untuk saya menggunakan teori beliau. Bahkan bukan izin penggunaan sahaja, malah saya secara tidak langsung dibekalkan dengan set soal selidik yang telah dibina dan diuji baik oleh beliau sendiri, bahkan oleh anak-anak didik beliau serta alam. Diri ini hanya mampu menadah tangan ke langit, di atas segala bantuan kecil yang diberikan. Inspirasi yang diperolehi daripada bacaan buku ini sangat membantu dikala diri ini berada di dalam kebuntuan jalan.

Justeru itu, saya sangat berterima kasih dengan karya agung buku “Phd Kecil Tetapi Signifikan”, kerana pada hemat saya buku ini mampu menjadi penyuntik semangat kepada saya mahupun sesiapa yang membacanya. Ketakutan dalam perjalanan menempuhi PhD dapat dikurangkan melalui perkongsian pengalaman yang digarapkan di dalam buku ini. Secara tidak langsung ianya mampu membuat sipembaca untuk berfikir mahupun diri saya sendiri, “*Jika Prof Kamil boleh Berjaya ke garisan penamat, mengapa tidak saya..!*” Buku yang sangat bermanfaat ini sangat dekat dengan mereka yang sedang berjuang kerana dalam proses perjuangan pelbagai ranjau dilalui ada fasa turun, ada fasa naik, ada fasa gembira dan ada fasa bersedih. Sepanjang pengajian buku ini menjadi sumber inspirasi untuk mencari kekuatan disepanjang perjalanan PhD. Dan selain itu, sebagai hambaNya jalan akhir yang mampu kita laksanakan adalah dengan membentangkan sejadah dan menadah tangan ke langit memohon bantuan dariNya, kerana saya percaya dengan segala kuasa doa yang dipanjatkan kelangit, ianya tidak pernah akan kembali kepada pemohon dengan sia-sia..! Terima kasih Prof Kamil, saya abadikan coretan bersama kenangan buku PhD Kecil Tetapi Signifikan ini dengan mendoakan Prof sentiasa sihat selalu, dengan buku ini juga saya belajar dan berjinak dengan penulisan antalogi pendek berkisar kehidupan diri sendiri..!



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

